

NO. SIRI :



**JABATAN KERJA RAYA
PERAK DARUL RIDZUAN**

DOKUMEN SEBUT HARGA

PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN
BERPAKAIAN SERAGAM TANPA SENJATA,
24 JAM DI IBU PEJABAT
JABATAN KERJA RAYA
NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN
BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN

**NO. SEBUT HARGA :
PKR.PK.(S)400-10/2-1/2026**

**PENYEBUT HARGA DIKEHENDAKI MEMBACA
DAN MEMAHAMI KESELURUHAN BUTIR-BUTIR
YANG TERKANDUNG DI DALAM DOKUMEN
SEBUT HARGA INI SEBELUM MENGISINYA.
PENYEBUT HARGA YANG MEMBUAT KESILAPAN
DAN TIDAK MEMATUHI MANA - MANA FASAL
DI DALAM DOKUMEN INI AKAN MENYEBABKAN
SEBUT HARGA INI TIDAK DIPERTIMBANGKAN.**

KANDUNGAN

BIL.	PERKARA	
1.	Senarai Semak	
2.	Lampiran Q	
3.	Arahan Kepada Penyebut Harga	
4.	Syarat-Syarat Am Sebut Harga (Lampiran A)	
5.	Syarat-Syarat Khas Sebut Harga (Lampiran B)	
6.	Syarat-Syarat Tambahan Sebut Harga (Lampiran C)	
7.	Keterangan Mengenai Penyebut Harga (Lampiran D)	
8.	Surat Akuan Penyebut Harga (Lampiran E)	
9.	Jadual Harga Tawaran Sebut Harga (Lampiran F)	
10.	Asas Perkiraan (Lampiran F1)	
11.	Senarai Peralatan (Lampiran F2)	
12.	Skop, Spesifikasi Kerja dan Kadar Denda (Lampiran G)	
13.	Senarai Pengalaman (Lampiran 1)	

SENARAI SEMAK

Sila tandakan ☒ bagi dokumen-dokumen yang disertakan.

BIL.	PERKARA/DOKUMEN	UNTUK DITANDA OLEH SYARIKAT	UNTUK DITANDA OLEH JAWATANKUASA PEMBUKA SEBUT HARGA
1.	Salinan Sijil Pendaftaran Kementerian Kewangan Malaysia	☐	☐
2.	Salinan Sijil Akaun Pendaftaran Syarikat Bumiputera Kementerian Kewangan Malaysia	☐	☐
3.	Salinan Lesen, permit atau kebenaran menjalankan perkhidmatan kawalan keselamatan yang sah dan berkuatkuasa yang dikeluarkan oleh Kementerian Dalam Negeri (KDN)	☐	☐
4.	Salinan Sijil Pematuhan Cukai Lembaga Hasil Dalam Negeri (TCC)	☐	☐
5.	Salinan Penyata Bulanan Akaun Bank bagi bulan :- Oktober 2025 November 2025 Disember 2025	☐ ☐ ☐	☐ ☐ ☐
6.	Lampiran Q diisi dan dijumlahkan harga	☐	☐
7.	Keterangan Mengenai Penyebut Harga (Lampiran D) diisi dan dilengkapkan	☐	☐
8.	Surat Akaun Pembida (Lampiran E) diisi dan dilengkapkan	☐	☐
9.	Jadual Harga Tawaran Sebut Harga (Lampiran F) diisi dan dilengkapkan	☐	☐
10.	Asas Perkiraan (Lampiran F) diisi dan dilengkapkan.	☐	☐
11.	Senarai pengalaman kerja telah dan sedang dilaksanakan serta surat tawaran kontrak dari ins	☐	☐

PENGESAHAN OLEH SYARIKAT Dengan ini saya mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami semua syarat-syarat dan terma yang dinyatakan di dalam dokumen sebutharga. Semua maklumat yang dikemukakan adalah benar. Tandatangan : Nama : Jawatan : Tarikh :	UNTUK KEGUNAAN PEJABAT/JABATAN Jawatankuasa Pembuka Sebutharga mengesahkan penerimaan dokumen bertanda ☒ kecuali bagi perkara bil. (jika ada) Tandatangan : Nama : Jawatan : Tarikh : Tandatangan : Nama : Jawatan : Tarikh :
--	--



KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA

Tawaran adalah dipelawa dikalangan syarikat yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia** dan bertaraf **Bumiputera** dalam bidang berkaitan untuk menyertai sebhutharga seperti berikut:-

NO. SEBUTHARGA	TAJUK	KOD BIDANG BEKALAN
PKR.PK.(S) 400-10/2 – 1/2026	PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN BERPAKAIAN SERAGAM TANPA SENJATA, 24 JAM DI IBU PEJABAT, JABATAN KERJA RAYA PERAK DARUL RIDZUAN BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN	220801

2. Pembekal yang berminat untuk turut serta dalam tawaran sebut harga ini bolehlah mendapatkan dokumen sebut harga Bahagian Pentadbiran di Aras 5, Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya Perak Darul Ridzuan, Ipoh dalam waktu pejabat dan boleh di muat turun di laman web www.jkrperak.gov.my.

3. Tiap-tiap Borang Sebut harga yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang dimeterikan dan ditulis dengan perkataan "**Sebut harga PKR.PK(S).400-10/2 - 1/2026**" di sudut kiri dan dimasukkan ke dalam Peti Sebut harga kepada alamat berikut :-

Pengarah Kerja Raya
Jabatan Kerja Raya Perak,
Aras 5, Bahagian Pentadbiran,
Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab,
30000 IPOH.

Sebut harga ditutup tidak lewat dari jam **12.00 tengahari** pada **11 Februari 2026 (Rabu)**

4. Ahli Jawatankuasa Sebut harga Ibu Pejabat, Jabatan Kerja Raya Perak, Ipoh tidak terikat kepada sebut harga yang terendah atau mana-mana sebut harga dan keputusan Ahli Jawatankuasa adalah muktamad.

5. Sebut harga yang lewat diterima tidak akan dipertimbangkan dan sebarang kesilapan dalam pengisian borang juga tidak akan dijayakan.

(Ir. Haji Zamri bin Mat Kasim)
Pengarah Kerja Raya
Perak Darul Ridzuan.
Tarikh : **5.2.2026**

LAMPIRAN Q
(ARAHAN PERBENDAHARAAN 170)

Bila menjawab, sila nyatakan nombor ini

No. Sebut harga

PKR.PK.(S) 400-10/2-1/2026

KERAJAAN MALAYSIA, NEGERI PERAK

SEBUTHARGA UNTUK BEKALAN BARANG/PERKHIDMATAN

Kepada :

(Nama Syarikat).....

No. Telefon :

No. Pendaftaran Kewangan :

No. Pendaftaran Taraf Bumiputra :

Kod Bidang Pendaftaran : 220801

Pelawaan sebutharga dikeluarkan oleh :

Pengarah Kerja Raya

Jabatan Kerja Raya

Perak Darul Ridzuan.

No. Telefon : 05-2534041

1. Sila beri sebut harga untuk ~~bekalan barang~~ / perkhidmatan yang disenaraikan dengan tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan dan lampiran-lampiran yang disertakan.
2. Tarikh penyempurnaan/Perkhidmatan dikehendaki **selama dua (2) tahun mulai 1 Mac 2026 hingga 29 Februari 2028.**
3. Pembayaran atas kadar sebulan ke sebulan.
4. Sebut harga mestilah sampai ke alamat diatas sebelum atau pada **11 Februari 2026 (Rabu) jam 12.00 tengahari.**

Tarikh :

Tandatangan :

Nama :

Jawatan :

Butiran No.	Perihal Perkhidmatan	Harga (RM) sebulan
1.	Mengadakan perkhidmatan empat (4) orang Pengawal Keselamatan Berpakaian Seragam Tanpa Senjata, 24 jam terus menerus (dari pukul 7.00 pagi hingga 7.00 pagi) termasuk hari Sabtu,Ahad dan Cuti Umum bagi Kawalan Keselamatan di Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya Perak, Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab, Ipoh, Perak Darul Ridzuan. (Ringgit Malaysia : Harga yang ditawarkan adalah harga bersih. Tarikh Penyerahan/penyempurnaan	RM

Saya/kami dengan ini menawarkan untuk membekalkan perkhidmatan di atas dengan harga dan syarat-syarat yang ditunjukkan di atas dengan tertakluk kepada syarat yang berkepil.

Cop Penender :

Tandatangan Penender :

Nama :

Alamat:

Tarikh :

Mustahak - Lihat syarat-syarat seperti berkepil



No. Sebut Harga: **PKR.PK.(S) 400-10/2-1/2026**

ARAHAN KEPADA PENYEBUT HARGA

1. PERIHAL SEBUT HARGA

- 1.1 Sebut Harga ini adalah bagi Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Berpakaian Seragam Tanpa Senjata, 24 Jam di Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya Perak. Penyebut Harga ini adalah tertakluk kepada arahan-arahan, syarat-syarat am, syarat-syarat khas dan syarat-syarat tambahan.

2. DOKUMEN SEBUT HARGA

- 2.1 Sebut Harga hendaklah dibuat di atas borang-borang yang telah disediakan dan selepas ini dipanggil dokumen Sebut Harga. Dokumen Sebut Harga yang lengkap adalah mengandungi perkara-perkara berikut:

- i. Kenyataan Tawaran
- ii. Syarat-syarat Am
- iii. Arahan Kepada Penyebut Harga
- iv. Syarat-Syarat Am Sebut Harga (Lampiran A)
- v. Syarat-Syarat Khas Sebut Harga (Lampiran B)
- vi. Syarat-Syarat Tambahan Sebut Harga (Lampiran C)
- vii. Keterangan Mengenai Penyebut Harga (Lampiran D)
- viii. Surat Akuan Penyebut Harga (Lampiran E)
- ix. Jadual Harga Tawaran Sebut Harga (Lampiran F)
- x. Spesifikasi dan Skop Kerja (Lampiran G)



No. Sebut Harga: **PKR.PK.(S) 400-10/2-1/2026**

3. CARA-CARA MENGISI BORANG SEBUT HARGA

- 3.1 Penyebut Harga hendaklah membaca arahan-arahan dan syarat-syarat dalam dokumen Sebut Harga serta menyemak kandungan dokumen Sebut Harga dengan teliti sebelum mengisi borang-borang Sebut Harga.
- 3.2 Borang Sebut Harga hendaklah diisi dengan lengkap dan jelas mengikut ruangan-ruangan yang disediakan. Borang-borang tersebut hendaklah seboleh-bolehnya ditaip. Jika ditulis tangan, tulisan hendaklah jelas dan boleh dibaca.
- 3.3 Setiap pembetulan atau pindaan yang dibuat hendaklah ditandatangani ringkas dan dicop dengan cop rasmi syarikat setentang dengan pembetulan atau pindaan tersebut.
- 3.4 Borang-Borang Yang Perlu Diisi.

3.4.1 Borang Keterangan Mengenai Petender (Lampiran D).

- i. Nama Penyebut Harga : Nama syarikat seperti yang didaftarkan dengan Kementerian Kewangan
- ii. Alamat Perniagaan : Alamat yang betul dimana Penyebut Harga boleh dihubungi melalui surat. Penyebut Harga hendaklah memaklumkan kepada Jabatan Kerja Raya Perak jika ada sebarang pertukaran alamat.



No. Sebut Harga: **PKR.PK.(S) 400-10/2-1/2026**

- iii. No. Telefon : Perlu untuk dihubungi.
- iv. Taraf Penyebut Harga : Nyatakan sama ada Bumiputera atau bukan bumiputera. Sila sertakan salinan sijil pengesahan taraf bumiputera oleh Kementerian Kewangan. Ketiadaan sijil tersebut Penyebut Harga akan ditakrif sebagai bukan bumiputera.
- v. Modal Syarikat : Jika bukan Sdn. Bhd. atau Berhad nyatakan modal terkumpul iaitu daripada punca-punca seperti wang simpanan, saham dan pinjaman bank
- vi. Pengalaman : Penyebut Harga hendaklah mengisi borang di **Lampiran D** menyatakan pengalaman dalam bidang perkhidmatan kawalan keselamatan (jika ada).

3.4.2 Surat Akuan Penyebut Harga (**Lampiran E**).

Penyebut Harga adalah dikehendaki mengisi dan menandatangani borang ini. Sekiranya borang ini tidak diisi dan ditandatangani tawaran Penyebut Harga menjadi tidak sah/laku dan dengan sendirinya tertolak.



No. Sebut Harga: **PKR.PK.(S) 400-10/2-1/2026**

3.4.3 Jadual Harga Sebut Harga (**Lampiran F**).

3.4.3.1 Harga Tawaran

Penyebut Harga adalah diingatkan bahawa kadar harga sebulan yang ditawarkan adalah hasil daripada kos yang dibuat berpandukan Asas Perkiraan di **Lampiran F1**.

3.4.3.2 Borang ini perlu ditandatangani dan dicop oleh orang yang diberi kuasa oleh syarikat sebagai Penyebut Harga. Borang yang tidak bertandatangan dan bercop adalah tidak sah/laku dan akan ditolak.

3.4.4 Asas-asas Perkiraan Harga Sebut Harga Perkhidmatan Kawalan Keselamatan ini adalah seperti di **Lampiran F1**.

3.4.4.1 Borang ini perlu diisi dengan lengkap dan dikembalikan.

3.4.4.2 Kadar harga sebulan yang ditawarkan dalam Jadual Harga di **Lampiran F** adalah hasil daripada perkiraan yang dibuat berdasarkan elemen-elemen yang terkandung dalam **Lampiran F1** ini. Pihak Urusetia akan membuat perkiraan semula ke atas perkiraan ini dan sekiranya jumlah yang dikira semula berbeza dengan jumlah yang dibuat oleh Penyebut Harga tawaran Penyebut Harga boleh ditolak.

3.4.5 Senarai Peralatan (**Lampiran F2**).

3.4.5.1 Borang ini hendaklah diisi dengan lengkap. Peralatan yang dinyatakan ini adalah merupakan jenis/jenama yang syarikat akan gunakan sekiranya syarikat berjaya ditawarkan Sebut Harga ini kelak.



4 PEMBETULAN DAN PINDAAN KESILAPAN

- 4.1 Semua pembetulan/pindaan ke atas kesilapan-kesilapan yang dibuat terutamanya dalam Jadual Harga dan Surat Akuan Penyebut Harga hendaklah ditandatangani ringkas oleh orang yang menandatangani dokumen Sebut Harga serta dicopkan dengan cop Penyebut Harga (syarikat). Tandatangan ringkas ini hendaklah dibuat setentangan dengan kesilapan yang dibetulkan/dipinda.

5. PENGHANTARAN DOKUMEN SEBUT HARGA

- 5.1 Borang-borang yang perlu dikembalikan hendaklah mengandungi perkara-perkara berikut :
- 5.1.1 Borang Keterangan Diri Penyebut Harga **(Lampiran D)**.
 - 5.1.2 Surat Akuan Penyebut Harga **(Lampiran E)**.
 - 5.1.3 Jadual Harga Tawaran Sebut Harga **(Lampiran F)**.
 - 5.1.4 Asas Perkiraan Harga **(Lampiran F1)**.
 - 5.1.5 Salinan Sijil Pendaftaran Kementerian Kewangan dan Sijil Akuan Bumiputera (jika berkaitan).
 - 5.1.6 Lampiran Q dan Lampiran 1 (Senarai Pengalaman)



No. Sebut Harga: PKR.PK.(S) 400-10/2-1/2026

No. Sebut Harga : PKR.PK.(S) 400-10/2-1/2026

Tajuk Sebut Harga : Sebut Harga Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Berpakaian Seragam Tanpa Senjata 24 Jam di Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya Perak

Dan Dialamatkan : Jabatan Kerja Raya Perak
Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab
30000 IPOH.

5.2 Sebut Harga yang dihantar dengan tangan hendaklah dimasukkan sendiri oleh Penyebut Harga ke dalam Peti Sebut Harga yang disediakan di Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya Perak pada waktu pejabat tidak lewat daripada tarikh dan masa yang telah ditetapkan. Sebut Harga yang lewat tidak akan diterima.

5.3 Jabatan Kerja Raya tidak akan bertanggungjawab di atas kehilangan dokumen-dokumen Sebut Harga yang dihantar :

- i. Hantar Sendiri Dengan Tangan
Memasukkan dokumen Sebut Harga dalam Peti Sebut Harga yang salah.
- ii. Melalui Pos/Agen Penghantaran
Hilang semasa dalam perjalanan pos atau penghantaran.



No. Sebut Harga: **PKR.PK.(S) 400-10/2-1/2026**

- 5.4 Penyebut Harga menanggung sendiri semua kos yang terlibat berhubung dengan Sebut Harga yang disertainya.

A handwritten signature in black ink, appearing to read 'Zamri Bin Mat Kasim', is written over a faint, larger signature.

(Ir. HAJI ZAMRI BIN MAT KASIM)

Pengarah Kerja Raya
Jabatan Kerja Raya
Perak Darul Ridzuan
Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab
30000 IPOH.



No. Sebut Harga: **PKR.PK.(S) 400-10/2-1/2026**

Lampiran A

SYARAT-SYARAT AM SEBUT HARGA

Penyebut Harga dikehendaki mematuhi sepenuhnya Syarat-Syarat Am Sebut Harga apabila menyertai Sebut Harga ini. Kegagalan mematuhi mana-mana syarat di bawah ini membolehkan Sebut Harga yang dikemukakan oleh Penyebut Harga ditolak.

1. KELAYAKAN MEMASUKI SEBUT HARGA

- 1.1 Syarikat yang menyertai Sebut Harga ini mestilah terlebih dahulu berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dalam bidang Kawalan Keselamatan (perlu lesen KDN) (**Kod 220801**) dan masih sah tempoh pendaftarannya semasa syarikat yang akan berjaya memulakan kerja-kerja kontrak. Salinan sijil pendaftaran dengan Kementerian Kewangan hendaklah disertakan bersama-sama dengan dokumen Sebut Harga ini. Jika tempoh pendaftaran telah atau hampir tamat, Penyebut Harga hendaklah mengemukakan salinan surat daripada Kementerian Kewangan yang menyatakan bahawa permohonan untuk lanjutan/pembaharuan tempoh pendaftaran telah dibuat.
- 1.2 Syarikat Kawalan Keselamatan mestilah memiliki lesen, permit atau kebenaran menjalankan perkhidmatan kawalan keselamatan yang sah dan berkuat kuasa yang dikeluarkan oleh Kementerian Dalam Negeri (KDN) sebelum menjalankan perkhidmatan; dan
- 1.3 Syarikat adalah merupakan anggota Persatuan Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Malaysia (PPKKM) sebagai ahli yang sah.



No. Sebut Harga: **PKR.PK.(S) 400-10/2-1/2026**

-
- 1.4 Semua borang-borang berhubung dengan tender hendaklah ditandatangani oleh orang yang diberi kuasa oleh Penyebut Harga. Mana-mana borang yang tidak bertandatangan dan dicop rasmi Penyebut Harga akan ditolak daripada pertimbangan.

2. DOKUMEN SEBUT HARGA

- 2.1 Hanya dokumen Sebut Harga yang dikeluarkan oleh Jabatan Kerja Raya Perak sahaja akan diterima. Lain-lain borang tidak diterima kecuali sebagai tambahan kepada borang yang asal.
- 2.2 Tiap-tiap helai borang Sebut Harga yang digunakan (termasuk borang tambahan) mestilah ditandatangani di bawah dan setiap borang mestilah diberi nombor muka surat yang bersiri mengikut susunannya.
- 2.3 Sebarang pindaan yang dibuat ke atas mana-mana ruangan mestilah dipotong dan ditandatangan ringkas setentang dengan apa-apa perubahan yang dibuat.

3. HARGA TAWARAN

- 3.1 Harga tawaran yang ditawarkan adalah termasuk **cukai perkhidmatan sebanyak 8%** dan semua kos seperti kos tenaga kerja, pengangkutan, perkhidmatan, peralatan, dan lain-lain yang bersangkutan dengan Perkhidmatan Kawalan Keselamatan, Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya Perak .
- 3.2 Kos tenaga kerja perlu mengikut **Pelaksanaan Perintah Gaji Minimum 2024** bagi pekerja sektor swasta berkuatkuasa **1 Februari**



No. Sebut Harga: **PKR.PK.(S) 400-10/2-1/2026**

2025. Kadar gaji minimum baharu yang ditetapkan ialah Ringgit Malaysia Satu Ribu Tujuh Ratus (RM 1,700.00) sebulan.

- 3.3 Harga-harga yang ditawarkan dalam Sebut Harga ini adalah tetap dan tidak boleh dipinda selepas Sebut Harga ini ditutup dan akan berkuatkuasa selama dalam tempoh sahlaku Sebut Harga. Penyebut Harga yang berjaya ditawarkan Sebut Harga ini dikehendaki mematuhi syarat sepanjang masa kontrak ini berjalan dan tidak boleh dibuat sebarang perubahan harga.
- 3.4 Jabatan Kerja Raya Perak berhak menyemak semula jumlah harga tawaran berdasarkan kadar harga yang ditawarkan oleh Penyebut Harga. Sekiranya terdapat apa-apa perbezaan kepada jumlah harga yang ditawarkan dengan yang disemak semula oleh Jabatan Kerja Raya Perak, jumlah harga tawaran yang disemak semula oleh Jabatan Kerja Raya Perak akan digunapakai untuk tujuan Sebut Harga ini.

4. SPESIFIKASI, SKOP KERJA DAN BILANGAN TENAGA KERJA

- 4.1 Syarikat Pengawal Keselamatan secara umum bertanggungjawab melaksanakan perkara berikut :
- 4.1.1 Memastikan Pengawal Keselamatan melaksanakan skop kerja / tanggungjawab yang telah ditetapkan;
- 4.1.2 Menempatkan bilangan Pengawal Keselamatan yang mencukupi mengikut premis yang telah ditetapkan;
- 4.1.3 Menyediakan perkhidmatan kawalan keselamatan menurut bilangan syif yang telah dipersetujui ;



No. Sebut Harga: **PKR.PK.(S) 400-10/2-1/2026**

4.1.4 Menyediakan kelengkapan dan peralatan yang mencukupi kepada Pengawal Keselamatan bagi tujuan kawalan keselamatan;

4.1.5 Menyediakan nombor telefon kecemasan seperti nombor telefon Balai Polis , Hospital, Bomba dan agensi – agensi yang berkaitan dan diletakkan di setiap pos kawalan bagi persediaan menghadapi sebarang kemungkinan termasuk juga nombor-nombor penting bagi Syarikat dan Kerajaan.

4.2 Penyebut Harga adalah dinasihatkan membaca dengan teliti spesifikasi, skop kerja dan jumlah bilangan tenaga kerja yang perlu dibekalkan bagi melaksanakan kerja-kerja Kawalan Keselamatan mengikut spesifikasi, skop kerja dan 'standard' kualiti kerja yang dinyatakan dalam **Lampiran G** supaya tidak timbul masalah kesilapan dalam meletak harga.

4.3 Perkhidmatan Kawalan Keselamatan di Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya Perak akan dilaksanakan **Lampiran G**.

5. TOLAKAN (SET-OFF) DARIPADA BAYARAN PERKHIDMATAN

5.1 Jabatan boleh membuat tolakan (set-off) daripada bayaran invoice bulanan berdasarkan ketetapan formula di dalam perjanjian piawai bagi mana-mana keadaan berikut : -

5.1.1 Syarikat gagal menempatkan pengawal keselamatan yang di premis pada satu-satu masa seperti di **Jadual 6**.

5.1.2 Syarikat tidak dapat menyediakan atau menempatkan bilangan pengawal keselamatan mengikut cara, masa dan tempat yang ditetapkan dalam **Lampiran G**.



No. Sebut Harga: **PKR.PK.(S) 400-10/2-1/2026**

5.2 Perkhidmatan Tidak Mengikut Spesifikasi Dan Standard Kualiti Kerja.

5.2.1 Penyebut Harga perlu memberi perhatian di dalam ruangan denda di dalam **Lampiran G**. Ruang ini menunjukkan kadar-kadar denda yang akan digunakan dalam penguatkuasaan kontrak Perkhidmatan Kawalan Keselamatan di Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya Perak .

5.2.2 Penyebut Harga sekiranya ditawarkan Sebut Harga ini akan dikenakan denda bagi Perkhidmatan Yang Tidak Dibuat Langsung atau Perkhidmatan yang tidak mengikut Standard Kualiti Kerja.

6. CAGARAN KESELAMATAN

6.1 Penyebut Harga yang berjaya, dikehendaki memberi Bon Pelaksanaan di dalam bentuk Jaminan Bank daripada bank-bank yang diluluskan dan berdaftar di Malaysia. Nilai Bon Pelaksanaan adalah seperti berikut:

6.1.1 2.5% daripada jumlah nilai kontrak bagi bekalan yang kurang daripada RM500,000.00 setahun.

6.1.2 5% daripada jumlah nilai kontrak bagi bekalan yang bernilai pada RM500,000.00 atau lebih setahun.

6.2 Selain daripada Jaminan Bank di para 7.1. Jaminan Insurans daripada syarikat-syarikat insurans yang diluluskan dan berdaftar di Malaysia mengikut Akta Insurans 1963, sepertimana yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan, boleh diterima bagi kontrak yang bernilai tidak lebih daripada RM500,000.00.



No. Sebut Harga: PKR.PK.(S) 400-10/2-1/2026

- 6.3 Bon Pelaksanaan akan dikembalikan setelah kontrak dilaksanakan dengan sempurna dan memuaskan. Sekiranya kontrak itu tidak dilaksanakan dengan sempurna dan memuaskan, maka Bon Pelaksanaan itu akan dirampas.

7. POLISI INSURAN

- 7.1 Penyebut Harga yang berjaya diterima dalam Sebut Harga ini dikehendaki mengambil polisi insuran bagi Insuran Tanggungan Awam, Insuran Pampasan Pekerja dan lain-lain polisi yang difikirkan perlu dan diminta oleh Kerajaan atas perbelanjaan sendiri. Polisi insuran yang diperakui dan resit ke atas premium yang dibeli itu hendaklah dikemukakan kepada Kerajaan dalam tempoh empat belas (14) hari selepas notis penerimaan tawaran.

8. MENARIK BALIK TAWARAN/MENOLAK TAWARAN

- 8.1 Penyebut Harga tidak boleh menarik balik tawaran sebelum Sebut Harga dipertimbangkan atau menolak tawaran setelah Sebut Harga dipertimbangkan atau tawaran dibuat. Jika Penyebut Harga menarik diri atau menolak tawaran, nama Penyebut Harga akan dikemukakan kepada pihak berkuasa untuk tindakan penggantungan pendaftaran seperti berikut:
- 8.1.1 Dua (2) tahun bagi kesalahan pertama;
 - 8.1.2 Lima (5) tahun bagi kesalahan kali kedua; dan
 - 8.1.3 Pendaftaran akan dibatalkan terus bagi kesalahan berikutnya.



No. Sebut Harga: **PKR.PK.(S) 400-10/2-1/2026**

9. TEMPOH SAHLAKU SEBUT HARGA

- 9.1 Tempoh sahlaku Sebut Harga ini adalah selama 60 hari bermula daripada tarikh Sebut Harga ditutup. Tempoh ini boleh, dengan persetujuan bersama dilanjutkan jika dan apabila perlu.

10. SETUJU TERIMA SEBUT HARGA

- 10.1 Kerajaan tidak terikat untuk menerima Sebut Harga yang terendah atau mana-mana Sebut Harga jua pun. Keputusan adalah muktamad dan Kerajaan tidak akan melayan sebarang surat menyurat yang berupa rayuan daripada Penyebut Harga berhubung sebab-sebab Sebut Harga mereka tidak berjaya.

- 10.2 Penyebut Harga yang berjaya dikehendaki:

10.2.1 Tidak boleh menolak tawaran. Jika menolak, nama akan dikemukakan kepada Kementerian Kewangan Malaysia untuk tindakan menggantung pendaftaran.

10.2.2 Menandatangani satu perjanjian kontrak dengan Kerajaan Malaysia dan adalah terikat dengan syarat-syarat yang terkandung dalam perjanjian dan syarat-syarat Sebut Harga.



No. Sebut Harga: **PKR.PK.(S) 400-10/2-1/2026**

11. KONTRAK

11.1 Penyebut Harga yang berjaya adalah diwajibkan mengikat suatu kontrak dengan Kerajaan.

11.1.1 Syarat-syarat dalam Sebut Harga dan syarat-syarat dalam surat tawaran adalah menjadi sebahagian daripada syarat-syarat kontrak.

12. PERUBAHAN SYARAT-SYARAT

12.1 Kerajaan sentiasa berhak mengubah daripada masa dan ke semasa syarat-syarat yang terkandung dalam kontrak dan mulai daripada tarikh yang dinyatakan oleh Kerajaan, barang-barang yang dikehendaki itu hendaklah mengikut perubahan-perubahan tersebut.

12.2 Sekiranya sesuatu perubahan itu menyebabkan perubahan perbelanjaan bagi pengeluaran atau tempoh pengeluaran, maka harga barang-barang yang terlibat dengan perubahan itu hendaklah dibuat dengan persetujuan kedua-dua pihak secara bertulis.

13. TEMPOH KONTRAK

13.1 Tempoh kontrak adalah selama dua (2) tahun iaitu bermula daripada tarikh yang dinyatakan dalam surat setuju terima. Walau bagaimanapun, Kerajaan adalah berhak menentukan tempoh kontrak yang sebenarnya.



No. Sebut Harga: **PKR.PK.(S) 400-10/2-1/2026**

14. PENAMATAN PERSETUJUAN

14.1 Dengan memberi notis bertulis kepada Penyebut Harga dan dengan tiada apa-apa tindakan selanjutnya Kerajaan boleh terus menamatkan Persetujuan.

14.1.1 Jika Penyebut Harga melakukan pelanggaran terhadap mana-mana syarat yang terdapat dalam persetujuan ini;

14.1.2 Jika Penyebut Harga Kontraktor itu sebagai orang perseorangan atau, apabila Kontraktor itu adalah satu firma, mana-mana pekongsi firma itu pada bila-bila masa menjadi bankrap, atau suatu perintah terhadapnya atau membuat suatu penyelesaian atau perkiraan dengan atau bagi faedah sipiutang-sipiutang, atau jika Kontraktor itu adalah syarikat, meluluskan suatu perintah bahawa syarikat itu digantung (bukan suatu penggulangan ahli bagi maksud penyusunan atau penyatuan) atau pengurusan bagi pihak seseorang sipiutang dilantik atau jika timbul keadaan-keadaan yang memberi hak kepada mahkamah membuat sesuatu perintah penggulangan;

Atau

14.1.3 Jika Kerajaan mempunyai sebab bagi mempercayai bahawa Penyebut Harga atau sesiapa yang diambil bekerja olehnya atau bertindak bagi pihaknya (sama ada dengan atau di luar pengetahuan Penyebut Harga) melakukan perbuatan rasuah. Dengan sentiasa bersyarat bahawa penamatan Persetujuan ini tidak menyentuh hak-hak Kerajaan untuk mendapatkan gantirosak.



No. Sebut Harga: **PKR.PK.(S) 400-10/2-1/2026**

15. PERTIKAIAN

15.1 Apa-apa pertikaian yang terbit di antara Kerajaan dengan Penyebut Harga mengenai pentafsiran, pengertian atau kuatkuasa persetujuan, atau hak dan tanggungan pihak-pihak di dalamnya atau apa-apa perkara yang terbit daripadanya atau yang berhubung dengannya hendaklah kecuali selainnya dipersetujui dengan tertentu dengan bertulis di antara Kerajaan dengan Penyebut Harga, dirujukkan kepada petimbangtaraan dua orang, seorang dilantik oleh Kerajaan dan seorang oleh Kontraktor. Tiap-tiap seorang yang dilantik itu hendaklah bebas daripada pihak-pihak yang membuat persetujuan ini.

16. IKLAN

16.1 Tiada maklumat mengenai kontrak ini boleh disiarkan di dalam sebarang akhbar, majalah atau media pengiklanan yang terkini melainkan jika pengiklanan itu telah diluluskan oleh Kerajaan terlebih dahulu.

(Ir. HAJI ZAMRI BIN MAT KASIM)

Pengarah Kerja Raya
Jabatan Kerja Raya
Perak Darul Ridzuan
Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab
30000 IPOH.



No. Sebut Harga: **PKR.PK.(S) 400-10/2-1/2026**

Lampiran B

SYARAT-SYARAT KHAS

1. PEMBEKALAN TENAGA KERJA

- 1.1 Penyebut Harga pada bila-bila masa adalah bersedia membekal tenaga kerja apabila diminta/dikehendaki oleh Pengurusan Jabatan Kerja Raya dalam membantu mengendalikan urusan-urusan/aktiviti-aktiviti di Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya tanpa pertambahan apa-apa kos.

2. KEGAGALAN MELAKSANAKAN TUGAS

- 2.1 Jabatan Kerja Raya berhak untuk mengurangkan bayaran bulanan kepada Penyebut Harga jika berlaku kegagalan menjalankan tugas yang disebabkan oleh Penyebut Harga sendiri. Bagi maksud ini, Penyebut Harga akan dianggap telah gagal, jika :
- i. Syarikat tidak menghantar pekerja secukupnya seperti yang dinyatakan di dalam Harga Tawaran. Denda yang dikenakan adalah mengikut **Jadual 6**, tolakan dari Invois Bulanan.
 - ii. Pekerja enggan melakukan tugas yang diperlukan oleh Jabatan Kerja Raya Perak untuk keperluan harian seperti yang dinyatakan dalam spesifikasi kerja. Tolakan (*Set-Off*) daripada bayaran perkhidmatan syarikat seperti di **Lampiran G**.
 - iii. Penyebut Harga gagal melakukan kerja atau menghasilkan kerja yang tidak memuaskan seperti yang ditetapkan Skop dan Spesifikasi Kerja akan dikenakan potongan bil menurut kadar yang ditetapkan dalam Skop dan Spesifikasi Kerja.
(*Bergantung kepada jumlah hari dalam sebulan semasa kesalahan dilakukan)



No. Sebut Harga: **PKR.PK.(S) 400-10/2-1/2026**

3. STATUS PEKERJA

- 3.1 Penyebut Harga hendaklah memastikan bahawa setiap pengawal keselamatan adalah bersih dari rekod jenayah dan telah **disahkan lulus tapisan keselamatan E-Vetting oleh Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO)** serta tidak disabitkan dengan mana-mana kesalahan di bawah mana-mana undang-undang bertulis di Malaysia. Sekiranya pihak Jabatan Kerja Raya Perak mendapati ada pengawal keselamatan yang mempunyai rekod jenayah yang tidak dilaporkan, pihak Penyebut Harga hendaklah mengambil tindakan serta merta untuk menghentikan pekerja tersebut daripada bekerja di Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya Perak.
- 3.2 Pekerja-pekerja hendaklah terdiri daripada **Warganegara Malaysia, lelaki, fasih bertutur dan menulis dalam Bahasa Malaysia.** Pengambilan **pekerja warganegara asing** adalah tidak dibenarkan.
- 3.3 Pengawal keselamatan hendaklah melebihi 18 tahun dan tidak melebihi umur 65 tahun. Penggajian Pengawal Keselamatan yang **melebihi 56 tahun** adalah tertakluk kepada syarat dan mendapatkan **pengesahan tahap kesihatan** daripada **Pegawai Perubatan Kerajaan** pada setiap tahun. (rujuk 1PP PK 4.3)
- 3.4 Pengawal Keselamatan hendaklah menjalani pemeriksaan kesihatan yang rapi dan disahkan **sihat tubuh badan, penglihatan yang baik dan bebas daripada AIDS & Penyalahgunaan Dadah.** ***Salinan rekod pemeriksaan perubatan yang disahkan oleh Pegawai Perubatan Kerajaan*** hendaklah diserahkan kepada pihak Jabatan Kerja Raya Perak sebelum atau pada hari memulakan kerja perkhidmatan ini.



No. Sebut Harga: **PKR.PK.(S) 400-10/2-1/2026**

- 3.5 Pengawal Keselamatan yang akan ditugaskan perlu menghadiri *kursus Certifies Security Guards (CGS)* dalam tempoh yang ditetapkan.
- 3.6 Pengambilan Pengawal Keselamatan yang bertugas mempunyai pertalian saudara adalah tidak melebihi daripada dua (2) orang.

4. PERALATAN

- 5.1 Penyebut Harga mestilah menyediakan peralatan-peralatan yang sesuai kepada Pengawal Keselamatan yang akan bertugas mengikut keperluan jabatan. Peralatan yang akan digunakan seperti *Walkie-Talkie*, *Wisel*, *Cota*, *Lampu Suluh*, *Baju Hujan* dan lain-lain keperluan yang difikirkan sesuai mesti disenaraikan dalam borang di **Lampiran F2**. Kegagalan mengisi borang ini akan menyebabkan tawaran Penyebut Harga tidak dipertimbangkan. Alat-alat ini hendaklah sentiasa berkeadaan baik. Peralatan ini hendaklah dipamerkan seminggu sebelum kerja-kerja bermula dan semasa pemeriksaan dilakukan dari masa ke semasa.

5. PAKAIAN/PAS KESELAMATAN

- 6.1 Pekerja hendaklah memakai **pakaian seragam syarikat dan tanda nama** sepanjang masa menjalankan tugas. Pakaian hendaklah sempurna, kemas dan bersesuaian dengan tugas-tugas yang akan dilaksanakan.



No. Sebut Harga: PKR.PK.(S) 400-10/2-1/2026

- 6.2 Penyebut Harga dikehendaki menyerahkan gambar berukuran pasport, salinan kad pengenalan/permit kerja semua pekerja yang akan bekerja di Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya Perak sebelum atau pada hari pertama mereka menjalankan kerja-kerja kawalan keselamatan di bawah kontrak ini. Penyebut Harga juga dikehendaki memberitahu Jabatan Kerja Raya Perak tentang sebarang pertukaran pekerja baru dan menyerahkan dokumen-dokumen yang berkaitan serta gambar berukuran passport pekerja tersebut dalam tempoh satu (1) minggu dari tarikh melaporkan diri.

6. HARI DAN WAKTU BEKERJA

7.1 Hari Bekerja:

- 7.1.1 Setiap hari termasuk cuti umum

7.2 Hari Tidak Bekerja:

- 7.2.1 Tiada

7.3 Waktu Bekerja:

- 7.3.1 7.00 pagi hingga 7.00 petang - Syif 1
7.3.2 7.00 petang hingga 7.00 pagi – Syif 2



No. Sebut Harga: **PKR.PK.(S) 400-10/2-1/2026**

7. MENGGANTIKAN PERALATAN YANG PECAH/ROSAK/HILANG

8.1 Penyebut Harga adalah dikehendaki membayar ganti rugi atau menggantikan alat-alat/harta benda milik Jabatan Kerja Raya Perak atau pelawat atau pihak yang berurusan di dalam premis Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya Perak yang dirosakkan/pecah/hilang di atas kecuaiian atau disebabkan oleh pekerja-pekerja pihak Penyebut Harga dalam tempoh perkhidmatan, sekurang-kurangnya dalam bentuk barang-barang yang sama. Kegagalan membuat penggantian akan menyebabkan potongan bayaran bulanan dibuat berasaskan harga asal barang berkenaan. Dalam keadaan ini, sebarang bantahan dan rayuan tidak akan dipertimbangkan.

8. PROSES PENGENALAN TUGAS

9.1 Satu proses pengenalan tugas selama dua (2) hari akan diadakan seminggu sebelum kerja sebenar bermula tanpa sebarang bayaran. Proses pengenalan tugas hendaklah dilakukan bersama dengan Ketua Penolong Pengarah (Pentadbiran) Jabatan Kerja Raya Perak atau wakilnya. Di antara perkara-perkara yang akan dilakukan ialah:

- i. Mengemukakan senarai dan butir-butir pekerja;
- ii. Menyediakan jadual tugas;
- iii. Mempamerkan alat-alat yang dimiliki oleh Kontraktor;
- iv. Membuat jadual kerja mengikut kawasan dan tugas-tugas yang akan dijalankan.



No. Sebut Harga: **PKR.PK.(S) 400-10/2-1/2026**

9. KEPERLUAN AM

10.1 Pengangkutan

10.1.1 Pekerja-pekerja Penyebut Harga **tidak dibenarkan** tinggal dalam kawasan Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya Perak. Penyebut Harga mestilah menyediakan pengangkutan pergi balik untuk pekerja-pekerjanya yang pada masa ditetapkan.

10.2 Jadual Dan Masa Kerja

10.2.1 Penyebut Harga dikehendaki mengemukakan senarai dan butir-butir peribadi pekerja yang akan terlibat dalam pekerjaan yang ditawarkan ini untuk dipersetujui oleh Ketua Penolong Pengarah (Pentadbiran dan Kewangan) Jabatan Kerja Raya Perak atau wakilnya seminggu sebelum kontrak bermula.

10.2.2 Kontraktor hendaklah menyediakan jadual kerja dan dipersetujui oleh Ketua Penolong Pengarah (Pentadbiran dan Kewangan) Jabatan Kerja Raya Perak atau wakilnya dalam tempoh seminggu selepas menandatangani kontrak.

10.2.3 Masa kerja harian bermula dengan syif 1 pada pukul 7.00 pagi hingga 7.00 petang dan syif 2 bermula dari jam 7.00 petang hingga 7.00 pagi (12 jam). Pengawal keselamatan hendaklah datang 10 minit lebih awal sebelum pertukaran syif berlaku.



No. Sebut Harga: **PKR.PK.(S) 400-10/2-1/2026**

10.3 Pembayaran Kepada Kontraktor.

10.3.1 Bayaran kepada Kontraktor akan dibuat berdasarkan kepada pengesahan oleh Ketua Penolong Pengarah (Pentadbiran) Jabatan Kerja Raya Perak atau wakilnya berdasarkan Standard Kualiti Kerja, Senarai Pemeriksaan Kerja dan Laporan Pekerja. Sebarang denda dan tuntutan (jika ada) yang akan dipotong daripada bayaran bulanan.

10.4 Pakaian Pekerja

10.4.1 Semua pekerja dikehendaki memakai pakaian seragam syarikat yang bersesuaian sepanjang masa waktu bertugas.

(Ir. HAJI ZAMRI BIN MAT KASIM)
Pengarah Kerja Raya
Jabatan Kerja Raya
Perak Darul Ridzuan
Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab
30000 IPOH.



No. Sebut Harga: **PKR.PK.(S) 400-10/2-1/2026**

Lampiran C

SYARAT-SYARAT TAMBAHAN

Syarat-syarat tambahan ini adalah menjadi sebahagian daripada syarat-syarat kontrak.

1. Penyebut Harga jika berjaya adalah dikehendaki berbincang dengan pihak Jabatan Kerja Raya Perak untuk:
 - i. Taklimat/penerangan berkenaan aktiviti-aktiviti di Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya Perak.
 - ii. Mengatur program kerja.
 - iii. Taklimat mengenai peraturan-peraturan Jabatan Kerja Raya Perak.
 - iv. Lain-lain perkara yang berkaitan.
2. Penyebut Harga hendaklah mengemukakan senarai nama pekerja yang akan menjalankan kerja-kerja Kawalan Keselamatan. Senarai nama hendaklah mengandungi nama penuh, bangsa, kerakyatan dan nombor kad pengenalan.
3. Penyebut Harga adalah bertanggungjawab sepenuhnya ke atas pekerja-pekerja yang dibekalkan bagi hal:
 - i. Pembayaran gaji dan upah.
 - ii. Disiplin dan kebajikan.
 - iii. Keselamatan pekerja.
 - iv. Pengangkutan.
 - v. Kemudahan perubatan.
 - vi. Pakaian seragam.



No. Sebut Harga: PKR.PK.(S) 400-10/2-1/2026

4. Penyebut Harga adalah dikehendaki memastikan semua pekerja yang diambil dan memakai tanda nama yang disediakan oleh Penyebut Harga.
 - i. Memakai pakaian seragam dalam keadaan yang sempurna dan memakai tanda nama yang disediakan oleh Penyebut Harga.
 - ii. Mematuhi dan menghormati peraturan-peraturan semasa Jabatan Kerja Raya Perak.
 - iii. Mencatat atau merakam nama-nama dalam buku kedatangan yang disediakan oleh Jabatan Kerja Raya Perak.
5. Penyebut Harga adalah bertanggungjawab membekal dan menyediakan semua peralatan, pengangkutan dan bahan-bahan yang hendak digunakan bagi tujuan perkhidmatan kawalan keselamatan di Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya Perak.
6. Penyebut Harga semasa perkhidmatan sedang berjalan adalah bertanggungjawab ke atas keselamatan.
 - i. Pekerja-pekerja Penyebut Harga.
 - ii. Harta-benda Pejabat Jabatan Kerja Raya Perak.

Penyebut Harga adalah dikehendaki memperbaiki atau mengganti apa-apa kerosakan atau kehilangan yang berlaku kepada harta-benda Jabatan Kerja Raya Perak akibat daripada kelalaian/kecuaian pekerja Penyebut Harga semasa menjalankan kerja-kerja dalam perkhidmatan kawalan keselamatan di Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya Perak.



No. Sebut Harga: **PKR.PK.(S) 400-10/2-1/2026**

7. Ketua Jabatan, Jabatan Kerja Raya Perak atau wakil-wakilnya adalah sentiasa berhak untuk memeriksa dan melawat kawasan-kawasan yang sedang dilaksanakan kerja-kerja. Penyebut Harga adalah dikehendaki memberi kerjasama dan kemudahan kepada Ketua Penolong Pengarah (Pentadbiran dan Kewangan) Jabatan Kerja Raya Perak dan wakil-wakilnya untuk menilai serta memeriksa kawasan di mana kerja-kerja kawalan keselamatan sedang dilaksanakan.
8. Kerajaan berhak pada bila-bila masa menamatkan kontrak perkhidmatan kawalan keselamatan di antara Penyebut Harga dan Jabatan Kerja Raya Perak sekiranya didapati perkhidmatan yang diberi oleh Penyebut Harga tidak memuaskan atau melanggar syarat-syarat Sebut Harga/perjanjian.

(Ir. HAJI ZAMRI BIN MAT KASIM)

Pengarah Kerja Raya
Jabatan Kerja Raya
Perak Darul Ridzuan
Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab
30000 IPOH.



No. Sebut Harga: **PKR.PK.(S) 400-10/2-1/2026**

Lampiran D

KETERANGAN MENGENAI PENYEBUT HARGA

1. NAMA PENYEBUT HARGA:

(Syarikat)

2. ALAMAT PENYEBUT HARGA:

i. Ibu Pejabat :

.....

.....

.....

ii. Cawangan :

.....

.....

.....

3. TELEFON PENYEBUT HARGA:

i. Ibu Pejabat :

ii. Cawangan :

4. PENDAFTARAN DENGAN KEMENTERIAN KEWANGAN:

4.1 Kod Bidang Pendaftaran :

4.2 Tempoh Pendaftaran Mulai :

(Sila sertakan salinan sijil) Hingga :



No. Sebut Harga: **PKR.PK.(S) 400-10/2-1/2026**

- 4.3 Taraf Penyebut Harga : * Bumiputra/Bukan Bumiputra
(Sila sertakan sijil pengiktirafan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia)

5. MODAL PENYEBUT HARGA: (Isi mana yang berkenaan sahaja)

5.1 Perseorangan/Perkongsian : RM.....

5.2 Sendirian Berhad (Sdn. Bhd.)/Berhad (Bhd) :

5.2.1 Modal Dibenar : RM.....

5.2.2 Modal Dibayar : RM.....

*** Penyebut Harga WAJIB menyertakan FORM 24 Companies Act, 1965 (RETURN OF ALLOTMENT OF SHARES). Kegagalan menyertakan borang berkenaan akan menyebabkan Sebut Harga tidak akan dipertimbangkan.**

6. BUTIR-BUTIR PEMILIKAN (OWNERSHIP)

6.1 Perseorangan :

Nama Pemilik : No. K/P:



No. Sebut Harga: **PKR.PK.(S) 400-10/2-1/2026**

6.2 Perkongsian :

Nama Pekongsi	No. Kad Pengenalan	% Kongsian

6.3 Sendirian Berhad/Berhad :

Nama Pemegang Saham	No. Kad Pengenalan	% Bahagian

6.4 Ahli Lembaga Pengarah :

Nama	No. Kad Pengenalan	Keturunan

(Sila guna kertas berasingan jika tidak mencukupi)



No. Sebut Harga: **PKR.PK.(S) 400-10/2-1/2026**

7. KOMPOSISI PEKERJA

8. PENGALAMAN: (Sila nyatakan sebagai sokongan kepada Sebut Harga ini)

Nama Kontrak	Jabatan/Agensi/ Sendiri Yang Mengawasi Kontrak	Harga Kontrak Sebulan	Tarikh Mula	Tarikh Tamat

9. PENYATA KEWANGAN BAGI 3 BULAN TERAKHIR

(Berdasarkan kepada bulan tarikh Sebut Harga dikeluarkan)

- **Penyebut Harga WAJIB menyertakan PENYATA KEWANGAN ini. Kegagalan menyertakan borang berkenaan akan menyebabkan Sebut Harga tidak akan dipertimbangkan.**



No. Sebut Harga: **PKR.PK.(S) 400-10/2-1/2026**

Lampiran E

SURAT AKUAN PENYEBUT HARGA

Ketua Penolong Pengarah
Bahagian Pentadbiran dan Kewangan
Jabatan Kerja Raya Negeri Perak
Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab
30000 IPOH.

Tuan,

SEBUT HARGA PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN DI IBU PEJABAT JABATAN KERJA RAYA PERAK.

Adalah dengan ini dimaklumkan bahawa Syarikat
mengambil bahagian dalam Sebut Harga perkhidmatan kawalan keselamatan
..... Harga yang ditawarkan dalam Sebut Harga ini adalah
seperti dalam Jadual Harga di **Lampiran F** dokumen Sebut Harga.

2. Syarikat sebagai Penyebut Harga dengan ini bersetuju menerima serta mematuhi dan terikat dengan syarat-syarat Sebut Harga, kontrak dan spesifikasi yang terkandung dalam dokumen Sebut Harga. Syarikat juga telah memahami bahawa Jabatan Kerja Raya Perak berhak menerima atau menolak tawaran ini, sama ada harga yang ditawarkan rendah atau tinggi atau sama dengan harga tawaran-tawaran lain.

3. Syarikat bersetuju bahawa harga Sebut Harga yang ditawarkan ini laku (valid) selama **enam puluh (60) hari** daripada tarikh tutup Sebut Harga. Dalam tempoh tersebut syarikat tidak boleh menarik diri daripada Sebut Harga ini dan meminda harga.



No. Sebut Harga: **PKR.PK.(S) 400-10/2-1/2026**

4. Selanjutnya sekiranya Sebut Harga syarikat ini diterima, syarikat akan mengikat suatu kontrak serta memberi cagaran keselamatan dalam tempoh empat belas (14) hari daripada tarikh terima surat tawaran daripada Jabatan Kerja Raya Perak. Syarikat bersetuju harga yang ditawarkan sebagai asas perkiraan bagi pembayaran di atas pembekalan yang dibuat kepada Jabatan Kerja Raya Perak setelah pembekalan tersebut disahkan oleh unit yang bertanggungjawab di Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya Perak.

5. Kami yang bertandatangan di bawah ini, setelah menyemak, adalah dengan ini mengesahkan bahawa dokumen Sebut Harga yang digunakan untuk Sebut Harga ini adalah yang sebenarnya dibeli oleh syarikat ini.

.....
(Tandatangan orang yang diberi kuasa)

Nama :
No. Kad Pengenalan :
Jawatan :
Alamat :
.....
.....

Nama Saksi :
No. Kad Pengenalan :
Jawatan :
Alamat :
.....
.....



No. Sebut Harga: **PKR.PK.(S) 400-10/2-1/2026**

Lampiran F

**JADUAL HARGA SEBUTHARGA PERKHIDMATAN
KAWALAN KESELAMATAN BERPAKAIAN SERAGAM TANPA SENJATA 24 JAM
DI IBU PEJABAT, JABATAN KERJA RAYA PERAK DARUL RIDZUAN**

.....

1. Harga tawaran daripada syarikat kami/saya adalah:

- i. Kadar harga sebulan RM.....
- ii. Jumlah harga bagi 24 bulan RM.....

Perhatian:

Kadar harga sebulan adalah sama dengan kadar harga dalam Asas Perkiraan
Harga di **Lampiran F1**.

Tandatangan :
Nama :
Jawatan :
No. Kad Pengenalan :

Cop Rasmi Syarikat :



No. Sebut Harga: **PKR.PK.(S) 400-10/2-1/2026**

Lampiran F1

**ASAS PERKIRAAN HARGA SEBUT HARGA PERKHIDMATAN KAWALAN
KESELAMATAN BERPAKAIAN SERAGAM TANPA SENJATA 24 JAM DI IBU
PEJABAT, JABATAN KERJA RAYA PERAK DARUL RIDZUAN**

BAYARAN PERKHIDMATAN

(A) FORMULA PENETAPAN BAYARAN PERKHIDMATAN

- 1** Keperluan Anggota termasuk Penyelia : 4 orang
- 2** Jumlah jam bekerja sehari di kawasan Ibu Pejabat : 12 jam
Jabatan Kerja Raya Negeri Perak
- 3** Harga 1 jam bekerja (bagi 4 pengawal)
(RM.....sejam x 4 pengawal) :
- 4** Harga 12 jam bekerja (bagi 4 pengawal)
(RM.....sejam x 12 jam x 4 pengawal) :
- 5** Harga 30.5 hari (jumlah hari sebenar dalam sebulan)
(RM x 30.5 hari) :
- 6** **JUMLAH 1 BULAN + CUKAI JUALAN &
PERKHIDMATAN 8% (RM)** :
- 7** **JUMLAH KESELURUHAN BAGI TEMPOH 24
BULAN (RM)** :



No. Sebut Harga: **PKR.PK.(S) 400-10/2-1/2026**

Lampiran F2

**SENARAI PERALATAN YANG DIGUNAKAN DALAM PERKHIDMATAN
KAWALAN KESELAMATAN BERPAKAIAN SERAGAM TANPA SENJATA 24 JAM
DI IBU PEJABAT, JABATAN KERJA RAYA PERAK DARUL RIDZUA
SENARAI PERALATAN**

Peralatan-peralatan yang akan digunakan oleh syarikat sekiranya ditawarkan Sebut Harga ini bagi Perkhidmatan Kawalan Keselamatan di Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya Perak adalah seperti:

	Bilangan
1. Cota	:
2. Lampu suloh	:
3. Baju hujan	:
4. Wisel	:
5. Alat tulis	:
6. Jam penjaga (Watchmen Clock)	:
7. Lain-lain peralatan yang ditawarkan/ Dicadangkan (<i>Nyatakan</i>)	:

Nama :

Tandatangan :

Cop Syarikat :



**SPESIFIKASI, SKOP DAN 'STANDARD' KUALITI KERJA PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN
BERPAKAIAN SERAGAM TANAPA SENJATA 24 JAM, DI BANGUNAN IBU PEJABAT JABATAN KERJA RAYA PERAK,
JALAN PANGLIMA BUKIT GANTANG WAHAB, 30000 IPOH, PERAK DARUL RIDZUAN.**

Lampiran G

**Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya Perak adalah tertakluk kepada spesifikasi dan skop kerja yang dinyatakan dalam jadual ini.
Semua kerja-kerja dalam perkhidmatan yang dilaksanakan hendaklah memenuhi standard kualiti yang ditetapkan.**

**Bilangan Pekerja: 4 orang Pengawal Keselamatan berpakaian seragam tanpa senjata.
(2 Syif - Siang dan Malam)**

**Waktu Kerja : Setiap hari 7.00 pagi hingga 7.00 petang ;
 Setiap hari 7.00 petang hingga 7.00 pagi**

BIL.	KERJA-KERJA HARIAN	LOKASI	SKOP KERJA	KEKERAPAN	WAKTU KERJA	STANDARD KUALITI KERJA	DENDA	
							KERJA TIDAK DIBUAT LANGSUNG	KERJA TIDAK DIAPAIKAN ATAU TIDAK MEMUASKAN
1.	Memastikan keselamatan bangunan dan harta benda di dalam bangunan dan kawasan Ibu Pejabat JKR Perak.	Luar bangunan dan kawasan persekitaran Ibu Pejabat JKR Perak.	2 orang Pengawal Keselamatan.	Sekali dalam masa 1 jam	7.00 pagi hingga 7.00 petang 7.00 petang hingga 7.00 pagi	Melakukan rondaan secara bergilir-gilir	LIHAT JADUAL 6 TOLAKAN PEKELILING 1PP PK 4.3	
2.	Mengunci "Watchman clock"	Di empat (4) lokasi yang telah ditentukan.	1 orang Pengawal Keselamatan	Sekali dalam masa 1 jam	7.00 pagi hingga 7.00 petang 7.00 petang hingga 7.00 pagi	Mengikut giliran yang telah ditetapkan		
3.	Merekod dan menyelenggara buku daftar keluar/masuk.	Pondok Pengawal	1 orang Pengawal Keselamatan	Sepanjang masa bertugas	7.00 pagi hingga 7.00 petang 7.00 petang hingga 7.00 pagi	Mengikut giliran yang telah ditetapkan		
4.	Menerima panggilan aduan pelanggan, merekod dan melaporkan kepada pegawai bertanggung jawab.	Pondok Pengawal	1 orang Pengawal Keselamatan	Semua panggilan masuk terutama aduan pelanggan	7.00 pagi hingga 7.00 petang 7.00 petang hingga 7.00 pagi	Mengikut giliran yang telah ditetapkan		
5.	Berpakaian seragam yang lengkap dan kemas.		4 orang Pengawal Keselamatan.	Sepanjang masa bertugas	7.00 pagi hingga 7.00 petang 7.00 petang hingga 7.00 pagi	Pakaian seragam yang disediakan oleh syarikat.		



No. Sebut Harga: **PKR.PK. 400-10/2-6/2021**

Lampiran 1

SENARAI PERKHIDMATAN YANG SEDANG DAN TELAH DILAKSANAKAN

BIL.	NAMA DAN ALAMAT PENUH INSTITUSI	HARGA KONTRAK (RM)	TEMPOH KONTRAK		NAMA & TELEFON PEGAWAI JABATAN YANG BERTANGGUNGJAWAN
			MULA	TAMAT	

Nota : Penyebut harga perlu menyertakan surat tawaran kontrak daripada jabatan berkenaan sebagai pengesahan kepada sokongan kepada sebut harga ini.

Sebut Harga Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Berpakaian Seragam Tanpa Senjata, 24 Jam
di Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya Perak Darul Ridzuan